



Gambar: PERHILITAN

LEMBAGA PENGARANG

1984

Pengerusi

MOHD KHAN MOMIN KHAN (KMN)

Ketua Penyunting

ZAITUN AMAN

Penyunting

WAN NOR AZAH IBRAHIM

Penyunting

KHAIRIAH MD. SHARIFF

Penyunting

SIVANATHAN a/i ELAGUPILLAY

Pengurus Urusan

SITI HAWA YATIM

Setiausaha

ZETI JANI

Ahli-Ahli

LOUIS CLEMENT RATNAM

MUSA NORDIN

HAFIZ ABD. MANAP

ZAINUDDIN ABD. SHUKOR

SAHIR OTHMAN

RASHID SHAMSUDDIN

MISLIAH MOHD BASIR

ABD. RAZAK MAJID

KHADIJAH OTHMAN

HALIMAH MUDA

ZULKIFFLI HJ. MOHD. ARSHAD

RAPIAH MUDA

EBIL HJ. YUSOF

Diterbitkan oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. (Bahagian Latihan dan Pendidikan).

Dicetak oleh:

PERCETAKAN NAZ SDN. BHD.

Kuala Lumpur.

PERHILITAN

JILID 4 NO. 2

DISEMBER 1984

Kandungan

Muka Surat

POKOK SAGA 2
Zainuddin Abd. Shukor

SUNGAI PEPUYU 6
M. Fuad M. Shariff

SEHARI DI KUALA GULA 9
Siti Hawa Yatim

JERAM19
Khairiah Mohd. Shariff

MURAI BATU24
Hafiz Abd. Manap

HIDUPAN LIAR DAN PENYAKIT 27
Azmin Md. Rashdi

BELIBIS DI BANDAR PENAWAR30
Sahir Othman

MENTADAK MENTADU35
Siti Hawa Yatim

Jeram

Oleh: Khairiah M. Shariff



Jeram sewaktu ditangkap



Sumbunya jelas kelihatan dari sisi

Jeram, begitulah nama yang telah diberikan kepada badak Sumatera betina (*Diceros rhinus sumatrensis*), salah seekor daripada penghuni di Zoo Air Keroh Melaka. Nama ini diambil sempena dengan nama tempat di mana ia dijumpai. Jeram telah dijumpai merayau-rayau di sebuah ladang kelapa sawit, bersempadankan dengan Hutan Simpan Bukit Ceraka, kira-kira 22 batu dari Shah Alam, pada 30hb. April, 1984. Dengan menggunakan sebuah lori, Jeram telah dipindahkan ke Zoo Melaka pada 1hb. Mei, 1984.


Jeram sebenarnya berasal dari kawasan Sg. Dusun. Beberapa tahun dahulu Jeram bersama ibunya telah dilihat di Pos Renjer Sg. Dusun, tetapi semasa bancian tahun 1983 dalam bulan Mei Jeram telah dikesan di Utara dan ibunya di Selatan Pos Renjer. Dalam bulan November 1983 Jeram telah dilihat berada di sebuah ladang kelapa sawit dekat Merbau Sempak, Kuang. Ini menun-

jukkan yang Jeram telah boleh berdikari dengan sepenuhnya kerana tiada kesan ibunya dijumpai dan jarak antara Sg. Dusun dan Kuang ialah lebih kurang 112 km.

Jeram sekarang tinggal di dalam sebuah kurungan yang diperbuat daripada kayu yang berukuran lebih kurang 15.2 m panjang dan 9.1 m lebar. Di dalam kurungan ini terdapat sebuah kubang, kawasan berlegar, tempat tidur yang berasingan berlantai konkrit dan sangkar separuh besi tempat di mana Jeram diberi makan.

Buat masa ini negara kita adalah merupakan satu-satunya negara di dunia ini yang mempunyai badak sumatera di dalam kurungan. Seorang renjer, Encik Marid Khan Abd. Rahim Khan telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga Jeram. Renjer itu juga ditugaskan untuk membuat pemerhatian ke atas tabiat dan kelakuan harian Jeram dan meng-

*Sepasang gigi kacip jelas kelihatan
di rahang atas Jeram.*



ambil data-data yang perlu untuk tujuan penyelidikan.

Jeram mempunyai berat badan di antara 400 – 500 kg., tinggi dari paras bahu 112 sm., panjang dari hujung hidung ke hujung ekor, 258 sm dan ukuran tapak kakinya 16.0 sm. Kuku tengahnya berukuran 7.9 sm., diambil semasa Jeram sedang tidur. Jeram dianggarkan berumur tidak kurang dari 6 tahun berdasarkan kepada dua gigi kacip yang terdapat di bahagian atas rahangnya.

Semasa Jeram mula-mula ditangkap dahulu, sumbu depannya yang berukuran lebih kurang 6 sm boleh dilihat dengan jelas. Sekarang ini akibat daripada geseran yang dilakukan olehnya ke atas batang pokok dan tiang-tiang kayu di dalam kurungnya,

menyebabkan sumbunya haus dan yang tinggal hanya bekas sumbu itu sahaja. Sumbu belakangnya masih belum tumbuh. Badan Jeram diselaputi dengan bulu-bulu hitam yang kasar sementara bahagian badan yang tidak berbulu kelihatan kering dan retak-retak. Kulitnya berwarna kelabu dan terdapat satu lipatan yang nyata dekat dada berdekatan dengan kaki hadapan. Bahagian dalam lipatan ini berwarna kemerahan.

Setakat ini Jeram hanya memakan daun-daun hutan yang terdiri lebih daripada 30 spesis yang telah dikenal pasti. Semua spesis itu adalah dari jenis yang mengeluarkan getah. Di antara 30 spesis itu yang paling disukai oleh Jeram ialah dari jenis pokok Ara (*Ficus spp.*). Ini mungkin kerana rasa buahnya yang

